



KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI KE LOKASI KEJADIAN BENCANA GEOLOGI TANAH RUNTUH DAN ALIRAN PUING DI GUNUNG JERAI, YAN, KEDAH

YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli telah mengadakan lawatan kerja ke Gunung Jerai, Yan, Kedah pada 4 September 2021 yang diaturkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG). Hadir sama YB Tuan Sabri bin Azit, Ahli Parlimen Jerai, Yang Mulia Tunku Iskandar Shah bin Tunku Muzaffar Shah, Pegawai Daerah Yan, Encik Hisamuddin bin Termidi, Ketua Pengarah JMG dan Encik Abdullah bin Sulaiman, Pengarah JMG Kedah/Perlis/Pulau Pinang serta Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Lawatan ini bertujuan meninjau kesan kerosakan di lokasi bencana geologi tanah runtuh dan aliran puing (bongkah batuan, lumpur dan sisa pokok) di sekitar Titi Hayun dan Batu Hampar yang berlaku pada 18 Ogos 2021. Dalam kejadian tersebut, aliran puing dan runtuhan tanah telah mengorbankan 6 (enam) penduduk tempatan, merosakkan banyak infrastruktur awam, kediaman dan industri.

YB Menteri telah diberi taklimat oleh JMG mengenai kerja-kerja yang dilaksanakan di kawasan kejadian bencana. Taklimat tersebut turut menyentuh mengenai penemuan terbaharu 69 lokasi bencana tanah runtuh dan lima (5) lokasi punca aliran puing dikenalpasti di seluruh kawasan Gunung Jerai terutamanya di Titi Hayun dan Batu Hampar iaitu kawasan utama berlakunya kejadian tanah runtuh.

Pada masa ini, JMG sedang melaksanakan analisis penzonan zon berisiko tanah runtuh/aliran puing yang dikenal pasti bagi setiap kawasan tadahan di kawasan Gunung Jerai. Ia bertujuan bagi menyediakan pengkelasan risiko serta modul tindakan kesiapsiagaan bagi pengurusan bencana untuk kegunaan agensi tindak balas dan juga tujuan pembaikan dan penyelenggaraan cerun-cerun berisiko untuk tindakan agensi teknikal khususnya pihak JKR dan JPS. Konsep sebegini telah dan

sedang dilaksanakan di Cameron Highlands dan akan diperluaskan di tempat-tempat yang dikenal pasti menjadi *hot spot* berlakunya tanah runtuh seperti di Kundasang-Ranau (Sabah), Paya Terubong (Pulau Pinang), Bukit Kanada, Miri (Sarawak) dan Bukit Antarabangsa (Selangor).

Bagi tujuan kesiapsiagaan dan pengurusan bencana oleh Agensi Tindakbalas seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) termasuk Agensi Teknikal seperti JPS dan JKR, pihak JMG telah melaksanakan penzonan kawasan bencana mengikut tahap risiko yang terbahagi kepada dua (2) iaitu zon bahaya dan zon kawalan dengan bantuan JUPEM. Kesemua inisiatif yang dilaksanakan ini adalah berdasarkan Prosedur Operasi Standard Di Kawasan Zon Bencana Tanah Runtuh (JMG. SOP.01).

Penglibatan sepenuhnya JMG dalam usaha ini banyak membantu pihak Agensi dan Kerajaan Negeri dalam membuat keputusan untuk melaksanakan tindakan susulan mitigasi serta penentuan keselamatan tapak bagi kawasan yang terjejas akibat kejadian bencana alam bagi mengelakkan lebih banyak kehilangan nyawa dan meminimumkan kerosakan harta benda akibat kesan bencana tersebut.

Bagi perancangan jangka panjang, KeTSA mencadangkan dibangunkan satu sistem amaran awal pemantauan dan pengesanan tanah runtuh di Gunung Jerai demi keselamatan pengunjung.

Sebagai makluman, Kawasan Hutan Simpanan Kekal Gunung Jerai diklasifikasikan sebagai Hutan Perlindungan bagi maksud kawasan tadahan air. Hutan Simpanan Kekal ini menjadi sumber air mentah yang dirawat oleh Syarikat Air Darul Aman (SADA) untuk dibekalkan kepada penduduk sekitar Yan, Gurun, Singkir, Merbok dan Semeling, Kedah. Hutan Simpanan Kekal ini tidak dibenarkan untuk dijalankan sebarang aktiviti pembalakan. Hutan Simpanan Kekal Gunung Jerai adalah termasuk dalam kawasan Pembangunan Geopark Jerai dan telah dimasyhurkan sebagai Geopark Kebangsaan pada 24 November 2018 sempena Istiadat Pertabalan Sultan Kedah Ke-29.

Limpahan air sungai yang mengakibatkan banjir kilat di Gunung Jerai pada 18 Ogos 2021 yang lalu, telah menyebabkan kerosakan pada dirian infrastruktur di Taman Eko Rimba (TER). Taman Eko Rimba (TER) yang terlibat adalah seperti berikut:

- 1) TER Titi Hayun Yan, Majlis Daerah Yan. Status: Terjejas
- 2) TER Batu Hampar Yan, Majlis Daerah Yan. Status: Terjejas
- 3) TER Air Terjun Seri Perigi Yan, Majlis Daerah Yan. Status: Terjejas
- 4) TER Tupah Kuala Muda, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK). Status: Tidak Terjejas

Dalam sesi lawatan kerja ini, YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan juga dibawa melawat ke lokasi-lokasi kejadian geobencana di sekitar Gunung Jerai.

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI
4 September 2021